

TEKS UCAPAN LT. KOL. PROF. DATO' DR. KAMARUDIN HUSSIN DI MAJLIS KUKUM BERSAMA MEDIA DI HOTEL SHANGRI-LA, KUALA LUMPUR PADA 29 JULAI 2005.

BISMILLAH HIRRAHMAN NIRRAHIM

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI TAALA WABARAKATUH DAN SALAM SEJAHTERA.

MENGADAP DULI YANG MAHA MULIA TUANKU SYED FAIZUDDIN PUTRA IBNI TUANKU SYED SIRAJUDDIN JAMALULLAIL, TUANKU CANSELOR KUKUM DAN DULI YANG TERAMAT MULIA TUANKU HAJJAH LAILATUL SHAHREEN AKASHAH, RAJA PUAN MUDA PERLIS.

AMPUN TUANKU, SEMBAH PATIK MOHON DIAMPUN,

TATANG PUAN TATANG CERANA,
TATANG BIDUK SERI RAMA,
DATANGLAH TUANKU DATANGLAH NYAWA,
DATANGLAH DUDUK HIBUR BERSAMA.

TERLEBIH DAHULU, PATIK BAGI SELURUH WARGA KOLEJ UNIVERSITI KEJURUTERAAN UTARA MALAYSIA (KUKUM) DAN HADIRIN TETAMU INGIN MERAFAK SEMBAH, MENJUNJUNG KASIH DI ATAS PERKENAN DULI TUANKU BERDUA MENCEMAR DULI BERANGKAT KE MAJLIS KUKUM BERSAMA MEDIA DENGAN TEMA: "TAUTAN KASIH, JALINAN MESRA" YANG BUAT PERTAMA KALINYA DIADAKAN DI LUAR NEGERI BERDAULAT, PERLIS INDERA KAYANGAN INI.

SESUNGGUHNYA KEBERANGKATAN DULI TUANKU BERDUA KE MAJLIS INI IBARAT PUCUK DI CITA, ULAM MENDATANG, GEMBIRA DI HATI TIDAK TERPERI, MAJLIS YANG INDAH BERTAMBAH MERIAH. IA SATU PENGHORMATAN YANG CUKUP BESAR BUAT KAMI WARGA KUKUM SEKALIAN BILA UNDANGAN DIPERSEMBAH, DITERIMA SUDAH.

AMPUN TUANKU,

IZINKAN PATIK MENYAMPAIKAN UCAPAN KEPADA BARISAN TETAMU YANG HADIR.

YANG BERBAHAGIA, AHLI-AHLI LEMBAGA PENGARAH KOLEJ UNIVERSITI KEJURUTERAAN UTARA MALAYSIA,

TAN SRI-TAN SRI, PUAN SRI-PUAN SRI, DATO'-DATO', DATIN-DATIN,

YANG BERUSAHA PEGAWAI-PEGAWAI UTAMA KOLEJ UNIVERSITI KEJURUTERAAN UTARA MALAYSIA,

KETUA-KETUA JABATAN DAN DEKAN-DEKAN KOLEJ UNIVERSITI KEJURUTERAAN UTARA MALAYSIA,

WAKIL-WAKIL MEDIA CETAK DAN ELEKTRONIK YANG DISANJUNGI,

WAKIL-WAKIL INDUSTRI YANG DIHORMATI,

OUR DISTINGUISHED GUEST FROM AUSTRALIA AND THAILAND,

HADIRIN SERTA HADIRAT SEKALIAN.

AWAL BISMILLAH PEMBUKA BICARA, SEUSAI ALHAMDULILLAH DIUCAP PULA, TANDA KESYUKURAN BUAT YANG ESA. BERKAT KASIH DAN SAYANG, REZEKI SERTA IHSAN-NYA ITU MELANGSUNG BICARA, MEMUDAH RENCANA DAN MELANGSUNG KERJA BUAT HAMBA SEMUA UNTUK BERKAMPUNG DAN BERAMAH MESRA, DI MAJLIS KUKUM BERSAMA MEDIA DENGAN TEMA: “TAUTAN KASIH, JALINAN MESRA” PADA MALAM YANG MULIA INI.

TERLEBIH DAHULU, SAYA BAGI PIHAK KOLEJ UNIVERSITI KEJURUTERAAN UTARA MALAYSIA (KUKUM) DENGAN PENUH SUKACITA INGIN MENGALU-ALUKAN KEDATANGAN PARA HADIRIN SERTA HADIRAT KE MAJLIS KAMI YANG MUNGKIN TIDAK LAH SEMPURNA HATTA SEHEBAT MANA. IBARAT KATA PANTUN MELAYU LAMA:

BANYAK KELOK KE PENARIK,
KELOK TUMBUH POHON KUINI,
NAN ELOK BAWALAH BALIK,
NAN BURUK TINGGAL DI SINI.

UCAPAN TERIMA KASIH PENUH KEIKHLASAN JUGA DIUCAPKAN KEPADA TAN SRI-TAN SRI, PUAN SRI-PUAN SRI, DATO’-DATO’, DATIN-DATIN SERTA DIF-DIF KEHORMAT KERANA TELAH SUDI MEMENUHI UNDANGAN UNTUK HADIR MEMERIAHKAN LAGI MAJLIS KAMI PADA MALAM INI.

ON BEHALF OF NORTHERN MALAYSIA UNIVERSITY COLLEGE OF ENGINEERING OR KUKUM, WE WOULD LIKE TO EXTEND OUR WARM WELCOME, ‘SELAMAT DATANG’ AND ‘YIN DEE TON RUB’ TO OUR

DISTINGUISHED GUESTS FROM AUSTRALIA, THAILAND AND MALAYSIA
INDUSTRY REPRESENTATIVES TO KUKUM'S NITE WITH RESPECTED
MALAYSIA MEMBERS OF THE PRESS.

DI KESEMPATAN INI JUGA, SAYA INGIN MENITIPKAN UCAP SYABAS DAN
TAHNIAH KEPADA AHLI JAWATANKUASA PELAKSANA PROGRAM DI ATAS
KESUNGGUHAN USAHA DAN DAYA, MENGUNTUM IDEA, MENYUSUN
KERJA DAN MENGATUR ACARA DALAM MEMASTIKAN MAJLIS DI MALAM
PENUH NOSTALGIA DAN BERMAKNA INI, BERLANGSUNG DALAM
SUASANA PENUH JAYA, ADAB DAN SUSILA.

HADIRIN DAN HADIRAT SEKALIAN,

RENUNGAN LAH SEJENAK KATA-KATA NAPOLEON BONAPARTE
TENTANG KEKUATAN SERTA KUASA SANG WARTAWAN INI. KATA
NAPOLEON: "JOURNALIST IS A GRUMBLER, A CENSURER, A GIVER OF
ADVICE, A REGENT OF SOVEREIGNS, A TUTOR OF NATIONS. FOUR HOSTILE
NEWSPAPERS ARE MORE TO BE FEARED THAN A THOUSAND BAYONETS"

ALANGKAH TEPATNYA KATA-KATA KOMANDER PERANG TERAGUNG
DARI PERANCIS TERSEBUT. AKHBAR DAN MEDIA SANGAT DITAKUTI DAN
TULISAN MEREKA DIANGGAP LEBIH TAJAM DARI MATA PEDANG. BERITA
YANG DITULIS MAHUPUN DILAPORKAN ITU BUKAN SAHAJA MAMPU
MEMBANGUNKAN SESEBUAH NEGARA TETAPI SECARA SENYAP
BERTINDAK BAGAI API DI DALAM SEKAM. DALAM DIAM IA MEMBAKAR
SEHINGGA MAMPU MEMUSNAHKAN DAN MENJATUHKAN BAIK KAWAN
MAHUPUN LAWAN, NEGERI MAHUPUN NEGARA.

SEJARAH TELAH MEMBUKTIKAN. SKANDAL 'WATERGATE' TELAH MENJATUHKAN RICHARD MILHOUS NIXON SEBAGAI PRESIDEN AMERIKA SYARIKAT YANG KE-37. DENGAN MARUAH TERCALAR, BELIAU PENUH HORMAT TERPAKSA MENGUMUMKAN PERLETAKKAN JAWATANNYA SEBAGAI ORANG YANG PALING BERKUASA DI WHITE HOUSE DAN AMERIKA SYARIKAT, DEK KERANA LAPORAN CARL BERNSTEIN DAN BOB WOODWARD DI DADA AKHBAR 'WASHINGTON POST' PADA TAHUN 1973 TENTANG RASUAH DAN SALAHGUNA KUASA DI DALAM KABINET PENTADBIRANNYA.

BERPIJAK KEMBALI DI BUMI TERCINTA, KITA SOROT KEMBALI SEJARAH KEMERDEKAAN NEGARA INI. API PERJUANGAN MEMBEBAHKAN TANAH MELAYU DARI GENGAMAN KUASA PENJAJAH BERPUTIK DARI SEGOLONGAN INSAN Kerdil, BERJIWA KENTAL YANG BERGELAR WARTAWAN. NAMA-NAMA SEPERTI A. SAMAD ISMAIL, MELAN ABDULLAH, MAZLAN NORDIN, ISHAK MUHAMMAD (PAK SAKO) DAN OSMAN ABADI ADALAH PEJUANG KEMERDEKAAN DALAM JALURAN MATA PENA.

UNTAIAN KATA-KATA PENUH SEMANGAT MEREKA DI UTUSAN MELAYU, SINGAPURA KETIKA ITU MENYEDARKAN MASYARAKAT YANG MUNGKIN TIDAK SEDAR AKAN KEZALIMAN SANG PENJAJAH YANG BEGITU RAKUS MENGEKPLOITASI SEGALA RUANG DAN PELUANG. SEBAGAI SEKUMPULAN MANUSIA YANG BEGITU SENSITIF JIWA MEREKA TERHADAP MARUAH DAN NASIB BANGSA DAN NEGARA, MEREKA BERJUANG DENGAN HANYA BERBEKALKAN PENA DAN KERTAS SEHINGGA ADA YANG TERPAKSA MERINGKUK DI DALAM PENJARA BERBULAN BAHKAN BERTAHUN LAMANYA KERANA DIANGGAP SEBAGAI PENGHASUT.

SUMBANGAN PARA PENGAMAL MEDIA BUKAN SAHAJA MENCAKUPI DUNIA PENDIDIKAN BAHKAN DI DALAM SEGENAP CABANG DAN DISPLIN

KEHIDUPAN. DARI MEDAN PERANG KE GELANGGANG SUKAN, DARI POLITIK KE EKONOMI, DARI JENAYAH KE HIBURAN, DARI PELANCONGAN KE TEKNOLOGI, SAINS DAN KESIHATAN, TEMPATAN KE ANTARABANGSA DAN SEBAGAINYA.

AWAM MEMBACA, MENDENGAR DAN MELIHAT. AWAM JUGA KETAWA, GEMBIRA, SUKA, SUGUL, PILU, MURAM, TAKUT, SERAM DAN MENANGIS BERSAMA-SAMA HELAIAN KERTAS YANG DIBACA DAN VISUAL YANG DITATAPI. BETAPA HEBATNYA KUASA SANG WARTAWAN WALAUPUN KATA-KATA SINIS DAN KEJI ADAKALANYA SINGGAH SEBENTAR DI TELINGA MEREKA. SEPERTI MANA KATA PAK SAMAD ISMAIL, “WARTAWAN SEJATI JARANG MAKAN GAJI TANPA MAKAN HATI”

HADIRIN DAN HADIRAT SEKALIAN,

MAJLIS KUKUM BERSAMA MEDIA PADA MALAM INI ADALAH RESIPSI PENUH IKHLAS DARI KOLEJ UNIVERSITI KEJURUTERAAN UTARA MALAYSIA BUAT SAHABAT-SAHABAT MEDIA CETAK DAN ELEKTRONIK YANG TELAH BANYAK MENYUMBANG KERINGAT, MENABUR BAKTI MELALUI PUBLISTI DAN LAPORAN YANG TELAH DIBERIKAN KEPADA KUKUM SEPANJANG TIGA TAHUN PENUBUHANNYA DI GELANGGANG PEMURNIAN ILMU DI NEGARA INI.

KAMI INGIN MERAIKAN SAHABAT-SAHABAT MEDIA YANG TIDAK PERNAH JEMU-JEMU MEMBERIKAN PUBLISITI SECARA BERTERUSAN KEPADA KUKUM TANPA SEBARANG OBLIGASI. DARI LUBUK HATI PENUH KEIKHLASAN, SAYA AMAT TERHARU DAN TERHUTANG BUDI KEPADA PIHAK MEDIA. PUBLISITI DAN LAPORAN YANG TELAH DIBERIKAN SELAMA

INI AMAT BERMAKNA BUAT KOLEJ UNIVERSITI KEJURUTERAAN UTARA MALAYSIA.

PIHAK MEDIA YANG AMAT SAYA DISANJUNGI LEBIH TANJAK ATAU TEPAT DIANGGAP SEBAGAI 'UNSYUNG HEROES' ATAU PEJUANG SEJATI KERANA MEREKA BEKERJA TANPA MENGENAL ERTI PENAT LELAH, SIANG HINGGA KE MALAM MENCARI, MENULIS DAN MELAPORKAN BERITA UNTUK DIWAR-WARKAN KEPADA AWAM.

LAPORAN, HEBAHAN HATTA PUBLISITI BUAT AKTIVITI NAN MAJLIS, PROGRAM NAN KEJAYAAN KUKUM BOLEH DIKATAKAN HAMPIR SETIAP MINGGU TERSIAR DI MEDIA MASSA BAIK BAGI EDISI UTARA MAHUPUN DI PERINGKAT NASIONAL. TERINGAT SAYA KATA-KATA SEORANG SARJANA BARAT YANG MENGATAKAN 'WORDS ARE LIKE LEAVES, AND WHERE THEY MOST ABOUND, MUCH FRUIT OF SENSE BENEATH IS RARELY FOUND'.

KATA-KATA ITU CUKUP TEPAT MENGGAMBARAKAN PERASAAN SAYA TERHADAP SAHABAT-SAHABAT MEDIA. TULISAN MEREKA TELAH BERTEBARAN MELAYANG KE SERATA PELUSUK TANAHAIR. MENJELAJAH DAN MENEROBOS MASUK KE KAMPUNG DAN MUKIM, DESA KE KOTA, UTARA KE SELATAN, TIMUR DAN BARAT, DI BACA, DI TATAP, DI DENGAR SERTA DILIHAT OLEH SEGENAP LAPISAN MASYARAKAT TANPA MENGIRA AGAMA, USIA DAN BANGSA.

TANPA SOKONGAN DAN PUBLISITI YANG SEBEGITU PADU, JITU DAN HEBAT, NAMA KOLEJ UNIVERSITI KEJURUTERAAN UTARA MALAYSIA MUNGKIN TIDAK KEDENGARAN APATAH LAGI DISEDARI KEWUJUDANNYA SEHINGGA KE HARI INI. SIAPALAH KAMI TANPA MEDIA, SUDAH LAH JAUH NUN DI UTARA TANAHAIR, HADIRNYA PULA BARU SEBENTAR CUMA.

DI KESEMPATAN INI, SAYA AMAT BERHARAP PIHAK MEDIA AKAN BERTERUSAN MELAPOR DAN MEMBERIKAN PUBLISITI KEPADA KUKUM KERANA SEBAGAI INSTITUT PENGAJIAN TINGGI AWAM YANG PALING BONGSU DI NEGARA INI, KAMI AMAT MEMERLUKAN PUBLISITI. MISI KAMI SANGAT JELAS IAITU MAHU MEREALISASIKAN ASPIRASI NEGARA DAN MENYUMBANG KEPADA KETAMADUNAN DUNIA.

KUKUM PERCAYA UNTUK MENJADI INSTITUSI AKADEMIK DAN PENYELIDIKAN BERTARAF DUNIA BAGI MENJANA PEMIMPIN TERBILANG NEGARA, PUBLISTI DAN PROMOSI YANG KUAT DARI PIHAK MEDIA MEMAINKAN PERANAN YANG SANGAT PENTING KE ARAH VISI TERSEBUT. SAYA JUGA AMAT BERHARAP KUKUM AKAN TERUS DAPAT MENJALINKAN HUBUNGAN YANG MESRA DENGAN PIHAK MEDIA MASSA DI NEGARA INI DAN MENGALU-ALUKAN SEBARANG CADANGAN DAN KOMENTAR BAGI PROSES PENAMBAHBAIKAN DAN KEMAJUAN UNIVERSITI INI BUAT MASA-MASA AKAN DATANG.

AKHIR KATA, SAYA INGIN MENGUCAPKAN JUTAAN TERIMA KASIH SEKALI LAGI KEPADA PIHAK MEDIA YANG TELAH SUDI HADIR KE MAJLIS KUKUM BERSAMA MEDIA INI. SEMOGA TAUTAN KASIH, JALINAN MESRA INI DAPAT DIZAHIR DAN DIREALISASIKAN... INSYALLAH.

I WOULD ALSO LIKE TO THANK OUR DISTINGUISHED GUESTS FROM AUSTRALIA AND THAILAND AND RESPECTED INDUSTRY REPRESENTATIVES FOR THE TRUST AND CONFIDENT IN KUKUM. THE MoU SIGNING CEREMONY WHICH WILL TAKE PLACE LATER, WILL BECOME THE KICK START FOR EACH PARTY TO INVENT, GENERATE AND FINDING SOLUTIONS TO ANY MUTUAL FIELDS. THANK YOU SO MUCH TO MR. MOHD MURRAY HUNTER FOR HIS EFFORTS IN MAKING THIS MoU A SUCCESFULL ONE.

IT TAKE TWO TO TANGO AND KUKUM BEING THE YOUNGEST UNIVERSITY IN MALAYSIA, SURELY CANNOT STAND BY ITS OWN AND BE INDEPENDENT. KUKUM BELIEVES THAT A GOOD RELATIONSHIP WITH INDUSTRY IS CRUCIAL BECAUSE EDUCATION, ESPECIALLY IN ENGINEERING, IS VERY MUCH RELEVANT AND INTERMINGLED WITH THE DEVELOPMENTS IN THE INDUSTRIAL WORLD.

THERE ARE MANY POTENTIAL OF AREAS OF RESEARCHES AND COLLABORATIONS WE CAN WORK ON TOGETHER. I HOPE OUR RELATIONSHIPS AND TIES WILL CONTINUE TO GROW STRONGER.

UCAPAN TERIMA KASIH JUGA DIUCAPKAN KEPADA TAN SRI-TAN SRI, PUAN SRI-PUAN SRI, DATO'-DATO', DATIN-DATIN SERTA DIF-DIF KEHORMAT YANG LAIN.

AMBILKAN SAYA BUAH DELIMA,
MASAK SEBIJI DI BALIK DAUN,
BUDI MEDIA SAYA TERIMA,
JADI KENANGAN BERTAHUN-TAHUN.

BILA MEMANDANG KE MUKA LAUT,
NAMPAK LAH SAMPAN MUDI KE HULU,
BILA TERKENANG MULUT MENYEBUT,
BUDI YANG BAIK INGAT SELALU.

AMPUN TUANKU,

SEKIAN SAHAJA UCAPAN PATIK. AKHIR KATA, PATIK MEWAKILI SELURUH WARGA KUKUM DAN PARA HADIRIN INGIN MERAFAK SEMBAH, MENJUNJUNG KASIH YANG TIDAK TERHINGGA SEKALI LAGI KEPADA KE BAWAH DULI TUANKU BERDUA KERANA TELAH SUDI MENCEMAR DULI BERANGKAT KE MAJLIS KUKUM BERSAMA MEDIA INI. PATIK SUDAH DENGAN WABILLAH TAUFIK WALHIDAYAH WASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI TAALA WABARAKATUH.